



MULAKAN... Mahasiswa UMS melaksanakan aktiviti sukarela di gerai dan persekitaran Jambatan Pekan Beaufort.



BERSIHKAN... Aktiviti membersihkan persekitaran Kampung Suasa Gadong.



SAPU... Fandyi sedang membersihkan bekas lumpur.

Mahasiswa UMS bantu bersih kawasan terjejas banjir di Beaufort

NST 26.2.2014 8

KOTA KINABALU: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah sekali lagi tampil menghulurkan bantuan melalui aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswi (YSS) dan Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM) baru-baru ini.

Seramai 100 mahasiswa UMS yang diketuai oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Fandyi Sanizan Jurup telah terlibat dalam aktiviti selama dua hari bagi membersihkan beberapa kawasan di daerah Beaufort yang terjejas teruk akibat banjir pada pertengahan Februari.

Hari pertama menyaksikan para sukarelawan membersihkan kawasan gerai makanan serta kawasan jambatan

Pekan Beaufort yang menjadi tumpuan utama para penduduk yang bertandang ke pekan itu.

Pembersihan yang dilaksanakan meliputi pembersihan lumpur dan pengutipan sampah sarap yang dibawa arus banjir.

Hari kedua pula para sukarelawan bergotong royong membersihkan persekitaran Kampung Suasa Gadong yang turut dipenuhi lumpur akibat banjir berkenaan.

Di kampung tersebut, mahasiswa UMS telah membersihkan kawasan Surau serta beberapa kawasan lain dalam usaha membantu meringankan beban penduduk di situ.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur ketika

ditemui berkata, penglibatan para pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan seumpama itu amat bertepatan dalam melatih dan memberi pendedahan kepada mereka untuk menyumbang bakti kepada masyarakat.

"Ia juga sebagai salah satu usaha pihak universiti untuk memasyarakatkan mahasiswa," ujar beliau yang juga Timbalan Pengerusi MASKUM.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan, Datuk Kamarlín Hj Ombi; Setiausaha Sulit Ahli Parlimen Beaufort, Faizal Arshad dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Mohd Raffie Hj Janau.

Kumpulan sukarelawan yang melibatkan mahasiswa UMS ini juga akan mengadakan aktiviti sama di Tenom dan Keningau selepas ini.